




Perangkaan Stok Modal 2023



Sumbangan SMB mengikut jenis aset




Sumbangan SMB mengikut jenis ekonomi aktiviti dan jenis aset



Sumber: Akaun Negara Perangkaan Stok Modal 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Data Siri Masa



Kekayaan ekonomi Malaysia merekodkan nilai RM3.46 trilion pada tahun 2023 berbanding RM3.36 trilion pada tahun 2022

- Stok Modal Bersih (SMB) yang menggambarkan kekayaan ekonomi Malaysia mencatatkan RM3.5 trilion dengan pertumbuhan 2.9 peratus berbanding 2.4 peratus pada tahun sebelumnya.
- Perkembangan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan lebih baik kesemua sektor kecuali Pertanian yang bertumbuh lebih perlahan kepada 0.4 peratus daripada 0.6 peratus pada tahun 2022.
- Sektor Perkhidmatan terus kekal sebagai penyumbang terbesar SMB berbanding aktiviti ekonomi lain dengan nilai RM2.4 trilion dan menyumbang 69.0 peratus pada tahun 2023.
- Aktiviti Kewangan, insuran, hartanah dan aktiviti perniagaan merupakan penyumbang terbesar sebanyak 33.1 peratus diikuti oleh Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (19.3%) dan Utiliti (10.5%).
- Sektor Pembuatan menyumbang 11.8 peratus kepada jumlah SMB dengan nilai RM408.0 bilion. Sumbangan sektor ini didominasi oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik 36.3 peratus yang bertumbuh 3.4 peratus berbanding 2.9 peratus pada tahun sebelumnya. Produk elektrik, elektronik & optikal pula menyumbang 32.9 peratus dengan pertumbuhan 2.8 peratus (2022: 2.2%). Ini diikuti oleh Makanan, minuman & tembakau yang menyumbang sebanyak 11.2 peratus, bertumbuh 7.0 peratus (2022: 6.1%).
- Kesemua jenis aset bagi SMB meningkat pada tahun ini berbanding pada tahun 2022. Struktur terus mendominasi SMB dengan sumbangan 81.1 peratus, bertumbuh sebanyak 3.1 peratus pada 2023 (2022: 2.7%). Aset Jentera & peralatan pula menyumbang 10.9 peratus, meningkat 2.8 peratus berbanding 1.6 peratus pada tahun sebelumnya. Manakala, Aset lain menyumbang 8.0 peratus dengan pertumbuhan 1.0 peratus pada tahun 2023 (2022: 0.8%).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

